

Shah Alam: Jabatan Perikanan Selangor kesal dengan tindakan pihak tertentu melepaskan spesies ikan asing jenis patin siam ke Tasik Shah Alam, baru-baru ini.

Pengarahnya Noraisyah Abu Bakar berkata, perbuatan itu bukan sahaja mengancam ekosistem tasik malah menimbulkan risiko kepada spesies tempatan dan keseimbangan

LEPAS IKAN PATIN SIAM KE TASIK SHAH ALAM

Rujuklah Jabatan Perikanan dahulu!

HM 15/10/2024 pg 12

biodiversiti.

“Pelepasan ikan asing tanpa kawalan boleh mengakibatkan persaingan sumber makanan dan habitat dengan spesies tempatan serta membawa penyakit baru yang menje-

jaskan populasi ikan asal.

“Kami menggesa orang ramai untuk tidak sewenang-wenangnya melepaskan ikan asing atau haiwan lain ke dalam tasik atau mana-mana sumber air awam,” katanya ketika

dihubungi, semalam.

Beliau berkata, pihaknya juga akan meningkatkan pemantauan dan penguatkuasaan undang-undang bagi mencegah tindakan sama daripada berulang.

Sehubungan itu, kata-

nya, pihak berhasrat membuat pelepasan umum diminta merujuk Jabatan Perikanan Selangor terlebih dahulu bagi memastikan spesies ikan yang hendak dilepaskan itu adalah spesies ikan asli Malaysia di

perairan terbabit.

“Kerjasama semua pihak diperlukan untuk memastikan kelestarian ekosistem tasik dan perlindungan spesies tempatan.

“Kami akan terus menjalankan program kesedaran awam mengenai kepentingan menjaga ekosistem akuatik dan tindakan yang perlu diambil untuk memelihara biodiversiti,” katanya.